

Peranan Imam dan Bilal dalam Masyarakat

Abdul Kamil bin Jamaludin¹
Pusat Sains Kemanusiaan
Universiti Malaysia Pahang
abdulkamil@ump.edu.my,
0122963721

1.0 Pendahuluan

Masjid merupakan institusi penting dalam masyarakat. Ia merupakan bangunan yang pertama dibina oleh Rasulullah ﷺ setelah baginda berhijrah ke Madinah. Peranan masjid sebagai tempat untuk orang Islam menunaikan solat dan melaksanakan pelbagai aktiviti ibadah bagi mendekatkan diri kepada Allah tetap berkesinambungan sejak dari zaman Rasulullah ﷺ hinggalah seterusnya pada masa hadapan. Sehubungan dengan itu, imam dan bilal juga memainkan peranan yang besar dalam masyarakat. Peranan imam dan bilal kini bukan tertumpu dalam urusan berkaitan solat di masjid semata-mata. Bahkan peranan mereka berinovasi kepada menjadi rujukan masyarakat (*community reference*) dalam pelbagai perkara mengenai pembangunan manusia yang syumul mencakupi rohani dan jasmani.

2.0 Kelebihan Imam dan Bilal

Imam dan bilal mempunyai kedudukan yang istimewa dalam Agama Islam. Kelebihan mereka ini jelas dinyatakan dalam hadis Rasulullah ﷺ. Antaranya Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

الإِمَامُ ضَامِنٌ وَالْمُؤَدِّبُ مُؤْتَمَنٌ، اللَّهُمَّ ارْشِدِ الْأَئِمَّةَ وَاعْفُ عَنِ الْمُؤَدِّبِينَ

Maksudnya: "Imam itu penjamin (bertanggungjawab terhadap solat makmumnya), sedangkan muazzin orang yang dipercayai. Ya Allah, berilah petunjuk kepada para imam dan ampunilah para muazzin". [Lihat: Riwayat Abu Daud (517)][Syeikh Syaib al-Arna'outh menghukum hadith ini sebagai sahih]

¹ Pensyarah Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang. Kertas ini dibentang dalam Program Pemantapan Khatib Negeri Pahang Peringkat Daerah Bentong Siri 3/2020 anjuran Jabatan Mufti Negeri Pahang pada 26 Oktober 2020 di Dewan Masjid Sultan Ahmad Shah, Bentong.

Dalam hadis di atas menjelaskan kelebihan imam yang bertanggungjawab terhadap solat makmumnya, manakala bilal pula seorang yang dipercayai. Besarnya peranan kedua-dua imam dan bilal ini sehingga didoakan hidayah dan keampunan. Dalam riwayat yang lain, daripada Muawiyah RA, bahawa aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

المُؤَذِّنُونَ أطولُ النَّاسِ أَعْنَاقًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya: "Para muazzin merupakan manusia yang panjang lehernya pada hari kiamat". [Riwayat Muslim (387)]

Imam al-Nawawi ketika mensyarahkan mengatakan bahawa para ulama' salaf dan khalaf telah berselisih pendapat dalam memahami makna hadith ini, dikatakan bahawa hadith ini bermaksud ramai orang yang melihat rahmat Allah SWT kerana orang yang melihat ini akan memanjangkan lehernya untuk melihat apa yang mampu dicapainya. Ini bermaksud, mereka (para muazzin) memanjangkan leherkan mereka bagi melihat pahala (yang disediakan buat mereka). Tambahan pula, sebahagian ahli tafsir menafsirkan firman Allah SWT di dalam surah al-Fussilat: Firman Allah SWT:

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ الْمُسْلِمِينَ

Maksudnya: "Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya melainkan yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta mengerjakan amal soleh sambil berkata: "Sesungguhnya aku adalah daripada orang-orang Islam". [Fussilat:33]

Di dalam tafsir Ibn Kathir ketika menafsirkan ayat ini, dikatakan bahawa orang yang menyeru kepada perkataan yang baik adalah para muazzin yang soleh² sebagaimana yang terdapat di dalam sahih Muslim sebagaimana hadith di atas. Justeru bilal atau muazzin merupakan salah satu pekerjaan yang mulia dan terpuji di sisi Allah SWT. Tambahan pula, tugas ini memerlukan seseorang yang bertanggungjawab dan amanah kerana ia melibatkan waktu dan masa.³

² Ibn Kathīr (1996) *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, Jil 7, hal 179.

³ <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-al-hadith/884-irsyad-al-hadith-siri-ke-182-muazzin-berleher-panjang-di-akhirat>.

3.0 Peranan Imam dan Bilal

Keberadaan pengetahuan mengenai peranan imam dan bilal masjid dapat diperolehi melalui garis panduan yang telah disediakan oleh pihak berkuasa agama negeri dan melalui pembacaan kitab serta buku berkaitan.

3.1 Jabatan Agama Negeri Pahang (JAIP)

Peranan Imam dan Bilal telah digariskan dengan jelas oleh Bahagian Pengurusan Masjid Jabatan Agama Islam Pahang dalam Buku Panduan Pengurusan dan Pentadbiran Masjid Kariah Negeri Pahang. Peranan atau tugas imam dan bilal menurut panduan ini ialah⁴:

a. Imam

- Menjadi Pegawai Syarie dalam kariah masjid itu dan mengimamkan solat fardu dan apa jua solat oleh Jemaah lain di masjid itu.
- Mengetuai urusan fardu kifayah ke atas jenazah orang Islam ahli kariah atau yang mati di kariah masjid itu sehingga sempurna dikebumikan.
- Membaca khutbah Jumaat dan khutbah Hari Raya.
- Memberi nasihat dan tunjuk ajar dalam perkara-perkara tentang agama Islam kepada anak kariah masjid.
- Mengetuai, mengawasi dan mengatur pengajaran agama Islam di kalangan anak-anak kariah masjid itu.
- Membimbing Bilal, Siak dan anak-anak kariah masjid itu menjalankan tugas-tugas Imam.
- Menghadiri tiap-tiap Mesyuarat Jawatankuasa Kariah masjid sebagai ex-officio (penasihat).
- Mengawasi kebersihan dan hal ehwal penyelenggaraan masjid.
- Memelihara dan menepati waktu solat.
- Lain-lain tugas yang diarahkan oleh MUIP, JAIP dan PAID dari semasa ke semasa.

b. Bilal

- Memangku/membantu tugas-tugas Imam semasa ketiadaan Imam.
- Azan dan iqamat bagi tiap-tiap solat fardu.

⁴ Bahagian Pengurusan Masjid Jabatan Agama Islam Pahang (2006) *Panduan Pengurusan Dan Pentadbiran Masjid Kariah Negeri Pahang*. hal. 26-27.

- Membaca ayat-ayat Al-Quran dan tarhim sebelum azan bagi solat Subuh serta taslim sebelum azan bagi solat Jumaat.
- Bilal memberi peringatan kepada makmum tentang keutamaan mendengar khutbah.
- Membaca ayat Al-Quran yang telah ditetapkan ketika Imam atau khatib menaiki mimbar pada solat Jumaat.
- Membaca selawat atau doa yang telah ditetapkan ketika Imam atau khatib duduk antara dua khutbah dalam Solat Jumaat dan Solat Hari Raya.
- Mengingatkan Jemaah tentang niat solat hari raya dan kaifiatnya sebelum solat dimulakan.
- Membantu Imam bertadarus Al-Quran di masjid, mengajar Al-Quran kepada kanak-kanak, mengajar, berlatih dan memimpin membaca marhaban dan berzanji, mengajar perkara-perkara Fardu Ain kepada orang dewasa, menyempurnakan urusan jenazah apabila diminta berbuat demikian.
- Membantu mengetuai Majlis Tahlil dan Bacaan Yaasin apabila diminta berbuat demikian.
- Menghadiri tiap-tiap mesyuarat Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah Masjid itu dan;
- Lain-lain tugas yang diarahkan oleh MUIP, JAIP, PAID dan Imam dari semasa ke semasa.

3.2 Buku: Senjata Tok Haji dan Tok Lebai⁵ & Panduan Para Imam⁶

1. Solat Fardhu dan yang berkaitan dengannya.
2. Solat Jenazah dan talkin.
3. Majlis Tahlil
4. Majlis Bacaan Yasin
5. Majlis Doa Selamat untuk Haji dan Umrah.
6. Majlis Baca Yasin Masuk Rumah Baru.
7. Majlis Baca Yasin sempena malam Nisfu Sya'ban.
8. Solat Jumaat.
9. Solat Hari raya.

⁵ 'Abdul al-Qādir al-Mandīliy (1949) *Senjata Tok Haji dan Tok Lebai*. hal. 4-93.

⁶ Bakri Basir (2014) *Panduan Para Imam*. hal 1-259.

10. Solat Gerhana Matahari/Bulan.
11. Solat Terawikh.
12. Solat Hadiah.
13. Solat Hajat.
14. Majlis Peminangan.
15. Majlis Akad Nikah.
16. Majlis Tahniq (Belah Mulut).
17. Menyembelih Binatang.
18. Majlis Qiamullail.
19. Majlis Khatam Al-Quran.
20. Bahagian Doa dan Ruqyah (Jampi) Air Penawar.

4.0 Peranan Imam dan Bilal dalam membangunkan masyarakat kotemporari di Malaysia

Seiring dengan perubahan masa, peranan Imam dan bilal turut berinovasi dengan memberikan sumbangan kepada masyarakat dalam bentuk yang lain daripada kelaziman. Imam dan bilal bukan sahaja memakmurkan masjid tetapi juga berperanan dalam membina, mengembang dan memajukan masyarakat.⁷ Seajar dengan itu, dicadangkan beberapa peranan yang perlu diusahakan oleh imam dan bilal dalam mendepani cabaran masyarakat kotemporari.

- 4.1 Menyediakan khidmat kaunseling kepada masyarakat yang berhadapan dengan pelbagai masalah terutamanya masyarakat kini yang penuh dengan cabaran dalam menjalani hidup.
- 4.2 Mesra penggunaan ICT dan media massa terkini dalam menyampaikan dakwah dan maklumat.
- 4.3 Melaksanakan aktiviti pengembangan ekonomi masjid seperti mewujudkan koperasi masjid, dewan masjid yang bersesuaian untuk disewakan bagi tujuan program perkahwinan dan sebagainya.
- 4.4 Menjalankan aktiviti kebajikan dengan mengumpul derma, sedekah, fidyah dan wakaf untuk disumbangkan kepada fakir, miskin, ahli kariah yang berkeperluan.

⁷ Norazlina Abd. Wahab, etc (2016) *Pemeriksaan Peranan Masjid di Malaysia Era Kontemporari*. hal. 222.

4.5 Mengoptimumkan dakwah mendekati masyarakat dengan masjid melalui konsep pelancongan Islam. Ini dapat direalisasikan dengan mengadakan homestay masjid.

5.0 Kesimpulan

Kejayaan institusi masjid dalam membina hubungan ahli kariah dan masyarakat dengan Allah dan sesama insan amat bergantung kepada imam dan bilal. Peranan dua entiti ini merupakan agen perubahan positif mampu memberikan impak yang besar kepada masyarakat dan agama. Oleh itu, proses melihat kembali peranan imam dan bilal melalui seminar, kursus latihan, ceramah, tazkirah dan pelbagai lagi medium pemerolehan ilmu perlu dibuat secara berterusan dan dimasukkan dalam agenda perancangan pihak berkuasa agama. Imam dan bilal yang amanah dengan peranan mereka bakal melonjakkan kepentingan masjid di hati setiap anggota masyarakat. Andai hasrat murni ini dizahirkan dalam kehidupan seharian, maka redha Allah bakal diraih.

Rujukan

Al-Quran Al-Karim

Abdul al-Qādir al-Mandīliy (1949) *Senjata Tok Haji dan Tok Lebai*. Kaherah: Idārah al-Ṭiba'ah al-Marbawiyah bī al-Qāhirah.

Norazlina Abd. Wahab, etc (2016) *Pemeriksaan Peranan Masjid di Malaysia Era Kontemporari*. Volume 5 Issue 2 e-Academia Journal UiTMT (<http://journale-academiauitmt.edu.my>) diakses pada 23 Oktober 2020.

Bakri Basir (2014) *Panduan Para Imam*. Kedah: Pustaka Darussalam SDN. BHD.

Bahagian Pengurusan Masjid Jabatan Agama Islam Pahang (2006) *Panduan Pengurusan Dan Pentadbiran Masjid Kariah Negeri Pahang*. Pekan: Jabatan Agama Islam Pahang.

Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismail bin Kathīr (1999) *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, Dār al-Ṭaibah li al-Nashr wa al-Tauzi'.

<https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-al-hadith/884-irsyad-al-hadith-siri-ke-182-muazzin-berleher-panjang-di-akhirat> diakses pada 23 Oktober 2020.